

Praktis 3

A. Nyatakan pola ayat dasar bagi setiap ayat di bawah ini sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA), dan Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

 GlinhKopin

1

BIL.	AYAT	POLA AYAT
(i)	Arnab itu haiwan peliharaan Zafira.	
(ii)	Ribut taufan melanda kampung kami.	
(iii)	Ubat itu untuk mengurangkan batuk.	
(iv)	Puan Shaza bangga akan kejayaan suaminya.	

2

BIL.	AYAT	POLA AYAT
(i)	Abang Fendi pandai mengambil hati nenek.	
(ii)	Buah tangan itu daripada sepupunya.	
(iii)	Lelaki itu doktor psikiatri di hospital ini.	
(iv)	Inspektor Hariz meragui keterangan wanita itu.	

3

BIL.	AYAT	POLA AYAT
(i)	Kek itu ditempah oleh pelanggan tetapnya.	
(ii)	Bangunan itu rumah kebajikan orang-orang tua.	
(iii)	Janji temu saya di Hospital Ampang pada pukul 3:00 petang.	
(iv)	Adila sangat bijak dalam pelajaran.	

4

BIL.	AYAT	POLA AYAT
(i)	Pokok rambutan itu sangat rendang.	
(ii)	Beg sekolah di atas kerusi itu kepunyaan adik.	
(iii)	Cikgu Hayati ialah guru cemerlang di sekolah kami.	
(iv)	Aini menghantar buku karangannya kepada Cikgu Azfar.	